



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 4.00 petang, 28 April 2025

Untuk Terbitan Media
28 April 2025

SIARAN MEDIA

EKOSISTEM KESUMA TANGANI KETIDAKPADANAN PEKERJAAN DIALAMI GRADUAN

KUALA LUMPUR: Keseluruhan ekosistem Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) meliputi latihan, karnival kerjaya dan aplikasi teknologi baharu digunakan bagi menangani ketidakpadanan pekerjaan dialami graduan.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong, berkata sebanyak 5.74 juta penuntut institusi pengajian tinggi dilaporkan berjaya menamatkan pengajian dalam pelbagai bidang pada 2023.

Bagaimanapun, beliau menzahirkan keprihatinan apabila Statistik Siswazah 2023 terbitan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merekodkan 32.4 peratus daripada keseluruhan graduan berkenaan diambil bekerja dengan jawatan yang tidak sepadan kelayakan atau kemahiran mereka.

“Daripada penelitian kita menerusi Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), tiga sektor utama yang didapati paling tinggi berlaku ketidakpadanan kerja dalam kalangan graduan ialah di sektor pentadbiran awam, pengeluaran serta borong dan peruncitan.

“Isu *underemployment* atau guna tenaga tidak penuh ini bukan isu remeh kerana ia bukan sekadar membabitkan karamah insaniah graduan, tetapi negara terlepas peluang untuk menggunakan sepenuhnya ilmu dan kemahiran graduan di Malaysia.

“Justeru, Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp), Jabatan Tenaga Manusia (JTM) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) menawarkan latihan untuk meningkatkan kemahiran graduan, sekali gus memacu kebolehpasaran serta perkembangan kerjaya generasi pelapis negara kita,” katanya, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Ekspo Kerjaya Mega MYFutureJobs@Hari Pekerja 2025 di ibu negara yang turut dihadiri Ketua Setiausaha KESUMA, Datuk Azman Mohd Yusof; Pengerusi Lembaga PERKESO, Dato’ Sri Subahan Kamal dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato’ Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Ekspo berskala besar selama empat hari hingga 1 Mei yang diadakan di Axiata Arena menawarkan 10,000 peluang pekerjaan, selain pejabat PERKESO di 12 negeri mengadakan temu duga secara serentak dengan menyediakan 1,379 kekosongan jawatan.

Edisi kali ini menyaksikan penyertaan majikan meningkat 53.4 peratus kepada 158 majikan berbanding tahun lepas, manakala jumlah kekosongan jawatan yang ditawarkan turut melonjak 21.6 peratus kepada 11,379 peluang pekerjaan pada sambutan Hari Pekerja tahun ini.

Mengulas lanjut, Steven Sim berkata portal Labour Market Exchange (LMX) kendalian PERKESO yang baru dilancarkan turut berperanan ke arah mengukuhkan rencana KESUMA dalam menangani isu ketidakpadanan graduan.

Hal ini kerana, jelasnya, LMX adalah gerbang maklumat yang menyediakan sisi pandang 360 darjah mengenai pasaran buruh di Malaysia, meliputi perincian berkaitan kadar gaji semasa, arah aliran industri dan penyeragaman kategori pekerjaan.

“Justeru, Ekspo Kerjaya MYFutureJobs @ Hari Pekerja 2025 dan keseluruhan ekosistem KESUMA digerakkan untuk mengatasi isu ketidakpadanan kerja dalam kalangan graduan,” katanya.

Untuk rekod, MYFutureJobs mengiklankan hampir 1.9 juta jawatan kosong sejak tahun lepas hingga empat bulan pertama tahun ini. Bertemakan ‘Pekerja Kesuma Bangsa’, ekspo ini akan mengiktiraf peranan penting pekerja dalam ekonomi negara dengan menawarkan lebih 10,000 kekosongan jawatan.

Purata gaji ditawarkan dalam ekspo kali ini ialah antara RM2,500 ke RM3,000 dengan gaji maksimum mencecah RM15,000, manakala sektor terbesar mengambil bahagian meliputi perkhidmatan dan teknologi maklumat, pembuatan dan peruncitan.

Pencari kerja yang sedang mencari pekerjaan disaran untuk mendaftar di www.myfuturejobs.gov.my/careerfair atau layari www.myfuturejobs.gov.my

##TAMAT##

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘no one left behind’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 294 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

28 April 2025

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Ridauddin Daud (+6019-3265772)

ridauddin.daud@perkeso.gov.my